



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	24/7/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Beruang matahari pula ditangkap di Terengganu

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS - Tidak sampai seminggu penemuan ikan paus dan harimau belang rakyat Terengganu digemparkan lagi dengan kehadiran seekor haiwan terancam iaitu beruang matahari yang tersesat memasuki penempatan di Felda Belara dekat sini, semalam.

Bagaimanapun, beruang matahari betina seberat kira-kira 70 kilogram itu berjaya ditangkap apabila memasuki perangkap yang dipasang Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) pada pukul 7.30 pagi.

Pengarah Perhilitan Terengganu, Dr. Abdul Malek Mohd. Yusof berkata, perangkap itu dipasang pihaknya selepas menerima aduan penduduk yang

bingbang keselamatan mereka sejak dua minggu lalu.

"Seorang penduduk kampung mengadu mengesyaki sekumpulan beruang matahari telah menceroboh kawasan penternakan lembu kelulut yang dipelihara di situ," katanya.

"Beruang matahari itu didakwa telah merosakkan banyak perumah lembu kelulut bagi mengambil madu yang telah menyebabkan kerugian puluhan ribu ringgit," katanya kepada *Kosmo*, semalam.

Abdul Malek berkata, beruang matahari dewasa itu telah dimasukkan di dalam perangkap yang dipasang kira-kira 500 meter dari kawasan perusahaan madu kelulut berkenaan.



ABDUL MALEK

Liar di Sungkai bagi menerima rawatan," ujarnya.

Abdul Malek berkata, beruang matahari itu merupakan tangkapan ketiga haiwan liar daripada spesies sama di negeri ini sepanjang tahun ini.

Ujarnya, sebelum ini dua ekor beruang matahari yang tersesat memasuki perkampungan penduduk telah berjaya ditangkap

"Jika beruang ini disahkan sihat, ia akan dilepaskan di kawasan Taman Negara Terengganu, Hulu Terengganu.

"Begitupun jika sebaliknya, haiwan liar itu akan dihantar ke Pusat Penyelamatan Hidupan Liar Kebangsaan dan Pusat Konservasi Hidupan



SEEKOR beruang matahari yang berjaya ditangkap Perhilitan di Felda Belara dekat Kuala Nerus semalam.

di Kampung Jambu Bongkok, Marang baru-baru ini.

Sebelum ini, rakyat Terengganu jugat digemparkan dengan kehadiran sepasang ikan paus

pembunuh di perairan Keroh, Kemaman dan dua ekor harimau belang di Kampung Besoi Lama, Dungun masing-masing pada Selasa dan Khamis minggu lalu.